

**MINIT MESYUARAT JAWATAN KUASA
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
ZON 1 PULAU PINANG BIL. 3/2024
JBPM NEGERI PULAU PINANG**

Tarikh : 24 September 2024 (Selasa)
Masa : 09.30 pagi
**Tempat : Bilik Mesyuarat,
Zon 1 Pulau Pinang**

KEHADIRAN :

- | | | | |
|----|--|---|-----------------------|
| 1. | PgKB I Ts. Jamil bin Abdullah @ Othman | - | Ketua Zon - Pengerusi |
| 2. | PgB Muhammad Syafiq bin Noor Azman | - | Ketua Unit BPK Zon 1 |
| 3. | PKPgB Mohd Affendi bin Ishak | - | BKK Zon 1 |
| 4. | PPgB Mohd Helmi bin Ismail | - | BKK Zon 1 |
| 5. | PPgB Muzamer bin Mohd Salleh | - | BKK Zon 1 |
| 6. | PPgB Andy Pengiran Paris | - | BKK Zon 1 |
| 7. | PPgB Rosli bin Ibrahim | - | BKK Zon 1 |
| 8. | PBK II Azman bin Ibrahim | - | BKK Zon 1 |
| 9. | Pn Tervinder Kaur | - | Pengurusan |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF :

- | | | | |
|----|---|---|--------------------|
| 1. | TPgB II Hadzi bin Mohamed Yusuf | - | BPK Zon 1 (Kursus) |
| 2. | PPgB Daniel Fitri bin Bernadine @ Adine | - | BPK Zon 1 (Kursus) |
| 3. | | | |

1. PERUTUSAN Pengerusi

1.1.	Tuan Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua pegawai yang menghadiri Mesyuarat JKKP Zon 1 Bil. 3/2024 dan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri.	Makluman
1.2.	Tuan Pengerusi juga mengucapkan tahniah kepada PgB Ts. Muhammad Syafiq Bin Noor atas pencapaian PKK Negeri Pulau Pinang (Naib Johan Kategori Pegawai).	Makluman
1.3.	Tuan Pengerusi menekankan keutamaan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, amalkan prosedur keselamatan, serta menggalakkan kerjasama dalam menjaga kebajikan bersama.	Makluman

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Zon 1 PP Bil. 2/2024 dicadang dan disokong tanpa pindaan.

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1.	JKKP ZON 1 PP	
3.1.1.	Tuan Pengerusi memaklumkan semua pegawai zon supaya berhati-hati semasa menggunakan kenderaan sendiri atau utiliti jabatan dan memastikan menjaga kebersihan kenderaan utiliti jabatan bagi keselesaan bersama.	Makluman
3.1.2.	Tuan Pengerusi memaklumkan, semasa mesyuarat bersama Timbalan Pengarah ada bertanyakan Ketua Zon mengenai keselamatan di tempat kerja dan mengingatkan mengenai penggunaan peti besi bagi fail yang terperingkat serta penukaran kunci mangga.	Makluman
3.1.3	Sebagai peringatan, semua pegawai zon perlu mengimbas kod QR yang disediakan untuk tujuan Rekod Pergerakan Harian. Imbasan Kod QR perlu dibuat walaupun pergerakan adalah menggunakan kenderaan sendiri (Waktu Bekerja). Diminta juga untuk memaklumkan pergerakan kepada KZ/TKZ atau dimaklumkan dalam Whatsapp Group Zon 1.	Makluman

3.1. JKPP ZON 1 PP		
	3.1.4.	Tuan Pengerusi mencadangkan untuk menambah Sistem CCTV Zon 1 bagi tujuan meningkatkan keselamatan dan pengawasan di kawasan sekitar Zon 1. Ini bertujuan untuk melindungi aset Jabatan dan keselamatan pegawai zon semua. Makluman
	3.1.5	Tuan Pengerusi menyatakan keperluan untuk menukar perabot dan kerusi yang telah rosak dan lama kerana mendatangkan bahaya kepada pengguna. Makluman

3.2. FIRE DRILL ZON 1 PP		
	3.2.1.	Tuan Pengerusi mohon pegawai intrem BBP Paya Terubong untuk melaksanakan 'Fire Drill' Zon 1 untuk tahun 2024. Tindakan : Tn. Muzamer / Tn. Helmi
	3.2.2.	Tuan Ts.Syafiq diminta untuk menyediakan Pelan Tindakan Kecemasan Zon 1. Tindakan : Tn. Syafiq
3.3 EKSA (LOTUS) ZON 1 PP		
3.3	3.3.1	Tuan Pengerusi mencadangkan gotong-royong EKSA pada setiap hujung bulan hari Jumaat. - mengemaskini susun atur pegawai PIC - ekosistem tempat kerja yang lebih kondusif Tindakan : Tn. Affendi
3.4 PEMERIKSAAN KESIHATAN		
3.4	3.4.1	Tuan pengerusi memaklumkan semua pegawai perlu menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala sekali setahun.

4. HAL-HAL LAIN

4.1.	Tuan pengerusi memaklumkan supaya semua pegawai memastikan tahap kesihatan berada dalam keadaan baik dan dapatkan rawatan secepat mungkin sekiranya tidak sihat. Makluman
------	--

5. PENANGGUHAN MESYUARAT

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan menanggungkan mesyuarat pada jam 11.30 pagi. Tarikh dan masa mesyuarat akan datang akan dimaklumkan kemudian.

Minit Mesyuarat Disediakan oleh :

Urusetia

Mesyuarat Pengurusan Zon 1

JBPM Negeri Pulau Pinang

Tarikh : 17.05.2024